

12 JUN 1997

Pusat

PUSAT PENYELIDIKAN CRL KILANG TEKNOLOGI

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 12 Jun (Bernama) -- Makmal Penyelidikan Pusat (CRL) yang terletak di laluan pesawat ke lapangan terbang Heathrow di sini jauh sekali daripada mempunyai imej sebagai pusat penyelidikan kepakaran British yang penuh dengan idea-idea tetapi tidak langsung mempunyai identiti komersil.

Hubungan baru yang terjalin antara CRL dengan Taman Teknologi Malaysia (TPM) menjanjikan masa depan yang cerah bagi pusat itu.

Semasa tiba di sini semalam, ungkapan pertama yang keluar dari mulut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "saya hairan kita tak pernah dengarpun (tempat ini) sebelum ini sedangkan ramai orang lain datang ke sini dan menggunakan penyelidikan mereka".

Yang dilakukan di CRL, sebuah syarikat dengan kecemerlangan penyelidikan yang diasaskan pada tahun 1928, ialah menterjemah penyelidikan akademik ke dalam idea yang boleh dipasarkan. Ia memperkenalkannya sebagai syarikat pengurusan harta intelek, "syarikat teknologi" dan "mesin pencetus idea".

CRL telah mendaftar sebanyak 45 paten setahun, tiga kali ganda daripada mushnya syarikat 3M; salah seorang ahli penyelidikannya adalah pemenang anugerah Nobel kerana membuat penyelidikan dalam teknologi skening CAT; perkhidmatan televisyen BBC telah menggunakan kamera CRL pada 1936 bagi penyiarannya; pada 1967 kamera CRL 2001 digunakan dalam perkhidmatan TV berwarna BBC; pada 1973 CRL memajukan teknologi pita magnetik copy-proof, dan senarainya semakin bertambah.

Syarikat itu mendakwa ciptaan CRL telah digunakan oleh lebih sejuta pengguna setiap hari.

Dr Kenneth W Gray, pengerusi dan ketua eksekutif Scipher Ltd, syarikat gabungan CRL, berkata "kami adalah mementingkan pelanggan. Kami bukan pusat akademik."

Kalau dahulu kenyataan itu pasti mengejutkan bagi sebuah pusat penyelidikan yang mempunyai 27 orang pemegang ijazah kedoktoran dan seorang pemenang anugerah Nobel tetapi dalam trend sekarang untuk membawa teknologi bagi kemudahan orang ramai dan mencari keuntungan, ia menepati matlamat Wawasan 2020 Malaysia.

Satu aspek yang menarik perhatian Ketua Eksekutif Taman Teknologi Malaysia Dr Salleh Ismail dan dua usahawan Malaysia yang turut mengiringi Perdana Menteri di sini semalam ialah jaminan penghantaran segera, perkongsian pengeluaran besar-besaran dan berkongsi teknologi.

Tidak hairanlah Technology Park Malaysia Research Bhd (TPMR) telah diiktiraf sebagai syarikat perintis Koridor Raya Multimedia (MSC).

Penubuhan TPMR, syarikat usaha sama antara TPM dan CRL (TPM memegang ekuiti 51 peratus) akan dimeterai di mesyuarat perkongsian pintar di Langkawi tidak lama lagi.

Dr Salleh akan mencadangkan perubahan nama dengan mengeluarkan elemen "penyelidikan" untuk memberikan nama yang lebih diyakini.

Dua projek telah dikenalpasti bagi Malaysia iaitu projek bersepadu teknologi chip deriaan dan narrowcasting tanpa wayar bagi isyarat audio-video untuk kegunaan khusus seperti dalam memadam kebakaran untuk keselamatan di landasan keretapi dan pelbagai kegunaan lain.

Dr Gray berkata teknologi sensor itu sahaja bernilai S\$10 bilion setahun dan Malaysia dijangka dapat meraih 10 peratus daripadanya dalam satu jangka yang pendek.

Menurut Dr Salleh pesanan telah diterima bagi 3 juta chip derian karbon monoksida (CO) buatan Malaysia daripada Amerika Syarikat.

Menjelang tahun 2000 setiap kereta dijangka akan dilengkapi dengan 15 alat deria dan yang demikian pasaran bernilai sekurang-kurangnya AS\$750 juta sudah menunggu TPMR, tambahnya. -- BERNAMA

WAH OBA